

11/04/1997

Khalil arah bina semula terusan di Tasik Chini

PEKAN, Khamis - Kerajaan negeri bercadang membuat terusan yang mempunyai kunci air di Sungai Chini bagi mengawal kenaikan paras air di Tasik Chini yang menjadi punca banyak pokok mati di kawasan seluas 60 hektar dan kualiti air menurun.

Terusan sepanjang kira-kira 50 meter itu pernah dibuat pada 1994 ketika empangan Sungai Chini sedang dalam pembinaan bagi mengalihkan sementara aliran air.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, mencadangkan supaya dibina semula terusan itu, ketika melawat tasik itu bersama beberapa pengarah jabatan dan agensi kerajaan negeri serta Persekutuan, hari ini.

Beliau turut menyaksikan kerja menyedut keluar air dari empangan itu ke Sungai Pahang dengan menggunakan 18 paip yang dipasang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) selain berdialog dengan pemandu bot pelancong.

Wakil Wetlands International Asia Pacific dan Persatuan Galakan Pelancong Pahang (Pesta) turut hadir.

Dalam sidang akhbar selepas lawatan itu, Mohd Khalil berkata, cadangan lain bagi mengatasi masalah berkenaan ialah membuat pintu air pada empangan itu supaya air dapat dikeluarkan secara kawalan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pandangan daripada pelbagai pihak, termasuk jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan, mengenai cadangan itu akan diambil kira.

Kemudian, cadangan itu akan dikemuka kepada Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan serta mendapat peruntukan.

"Sekiranya terusan itu dibina, empangan terbabit tidak perlu diruntuhkan atau direndahkan.

"Kunci air di terusan itu akan bertindak sebagai pengawal paras air bagi memudahkan pemandu bot pelancong menyusur Sungai Chini hingga ke tasik dan mengawal kenaikan paras air.

"Ini juga dapat menurunkan paras air di tasik itu yang ketika ini mencapai 2.8 meter," katanya.

Pada 1994, kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) membina empangan bernilai RM1 juta itu bagi menggantikan empangan sedia ada yang gagal berfungsi.

Tujuannya bagi menaikkan paras air di Sungai Chini melebihi satu meter sepanjang tahun supaya pemandu bot tidak menghadapi masalah menyusur Sungai Chini.

Bagaimanapun, empangan baru itu juga gagal berfungsi kerana dibina terlalu tinggi mengakibatkan paras air meningkat sehingga 2.8 meter, sekali gus banyak pokok mati di kawasan kira-kira 60 hektar dan kualiti air merosot.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga dikatakan tidak puas hati dengan hal terbabit, ketika mengadakan lawatan ke tasik itu, pada 17 Mac lalu.

Menjawab soalan, Menteri Besar berkata, pembinaan terusan itu memerlukan perbelanjaan kira-kira RM2 juta, termasuk harga kunci air itu manakala membina pintu air pada empangan itu bernilai RM200,000.

Beliau berkata, JPS akan memasang 40 paip lagi di empangan itu bagi menurunkan paras air kepada 1.4 meter dalam tempoh lapan minggu.

"Menggunakan paip air itu adalah langkah segera menurunkan paras air tetapi penyelesaian kepada masalah itu dalam jangka panjang akan diputuskan oleh sebuah jawatankuasa teknikal," katanya.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh JPS, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Dara) dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

(END)